

## Penjelasan Ringkas Mengenai Amalan Thariqah

Dalil Tasauf / Thoriqah dalam Ayat Alquran :

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ  
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ .

*Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ‘ayat-ayat Allah’ ( ilmu tauhid), dan ‘membersihkan’ mereka ( ilmu tasauf ), serta mengajarkan mereka ‘Kitab Allah’ ( ilmu fiqih ) dan Hikmah ( ilmu kebijaksanaan ). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.( Jumu’ah 2 )*

Mengikut para ulama kita dari ayat inilah, timbulnya ilmu Fardhu Ain : Tauhid, Tasauf dan Fiqih sebagai perlengkapan Syariah.

Sebutan ‘ayat-ayat Allah’ ialah ilmu Tauhid. ( Iman ), sebutan ‘membersihkan’ mereka ialah ilmu Tasauf. ( Ihsan ), sebutan ‘Kitab Allah’ ialah ilmu Fiqih. ( Islam ) samada dari AlQuran atau Sunnah dan sebutan ‘Hikmah’ ditujukan kepada apa sahaja ilmu yang menguntungkan seseorang dengan masyarakatnya , samada ilmu sejarah, hisab, sains, bahasa dan sebagainya.

Mengikut hadith pula ilmu Tauhid terbahagi kepada 73 golongan di mana 72 semuanya sesat melainkan satu sahaja yang mengikut sunnah nabi dan jamaah sahabat serta ulama. Golongan –golongan dalam tauhid dikenali sebagai ‘Firqah’.

Mengikut methode-methode kefahaman fiqih yang berbagai dalam firqah ‘ahlus sunnah wal jamaah’ hanya 4 yang muktabarah ( recognized & authorized ). Methode-methode kefahaman ini dipanggil ‘mazhab’.

Mengikut jalan-jalan Ibadah atau latihan rohani ( spiritual school ) dengan cara-cara tertentu yang semuanya bersumber dari amalan para sahabat , dalam kalangan ‘ahlus sunnah wal jamaah’ ialah dipanggil ‘Thariqah’.

Arti Thariqah ialah ‘jalan’ dalam bahasa Arab . Ia adalah satu penyusunan ibadat yang rapi agar seseorang murid dapat menghindari penyakit hati, membersihkan dan menghiasi diri dengan sifat-sifat terpuji dari satu tahap ke satu tahap kerohanian dalam pengawasan seorang yang bertauliah, sebagaimana penghidupan Nabi s.a.w dari mula berjumpa dengan Mursyidnya Jibril a.s sehingga ketahap kecemerlangannya.

Kesempurnaan ibadah zahir dan bathin dituntut sebagaimana dalam syariah kita seperti dalam doa yang selalu dibaca...’Allahuma a’innaa ala zikrika wa syukrika wa ‘Husni Ibaadatik’.

Ya Allah, bantulah aku untuk mengingatimu, bersyukur pada mu dan memperbaiki ibadahku.’

Sebutan Thariqah dari hadith Nabi bersumber dari beberapa hadith antaranya :

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَهُ اللَّهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

*'Barang siapa menempuh satu jalan ( fisik ) semata-mata untuk menuntut ilmu, Allah akan permudahkan baginya satu jalan ( spiritual ) ke Syurga.'*

Mengikut bahasa Arab lafaz 'thoriqan' jika sudah menjadi 'methode' atau 'perkerjaan', ditambahi dengan huruf 'ta' marbutah di hujungnya, maka jadilah sebutan 'thoriqah'.

Namun lafaz 'sabil' dalam ayat AlQuran banyak juga bermaksud 'thoriqah.'

## Rukun Thoriqah

Rukun Thariqah ada 5 :

- 1- Guru Mursyid
- 2- Silsilah sanad yang bersambungan dengan Nabi s.a.w.
- 3- Bai'ah/Talqin/ijazah
- 4- Adab ( discipline ).
- 5- Zikrullah yang menjadi asas amalan.

## Bilangan Thoriqah

Jumlah perjalanan rohani bagi pencapai pendekatan kepada Allah s.w.t tidak dapat dijumlahkan kerana terlalu banyak tidak dapat dihitung , jika ada yang berjihad ( yata 'ahhal ) dalam satu jalan ini lalu terjumpa satu jalan baru yang belum diketemukan sebelumnya, maka dikira bertambah satu thoriqah lagi dan jalan itu kemudiannya diletakkan atas namanya agar dapat dikenal pasti dari siapa pembukaan jalan ini diperolehi . Oleh kerana itu bilangan thoriqah tidak dapat di tetapkan bilangannya sebagaimana dalam firqah tauhid ada 73 golongan dan mazhab fiqih dalam kalangan ahlus sunnah wal jamaah ada 4 mazhab.

Dalil Thoriqah tidak dapat dihitung kerana banyaknya ialah firman Allah Al-Ankabut 29 :

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ، وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ .

*Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana ( mengejar Keredhaan) Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.*

**Thoriqah Mu'tabarah ( Yang Terjamin Tidak bertentangan dengan Hukum Fiqih )**

Thariqah Yang Muktabarah oleh Majlis Tinggi Masyikhah Ammah Al-Azhar , Cairo ada 41 pada tahun 1985.

Yang mashur diantara nya ialah :


- 1- Thariqah Qodiriyyah yang didokongi oleh Sheikh Abdul Qadir Jailani r.a.
- 2- Thariqah Naqsyabandiyyah yang didokongi oleh Sheikh Bahauddin Naqsyabandi r.a.
- 3- Thariqah Syazuliyyah yang didokongi oleh Sheikh Hasan As-Syazuli r.a.
- 4- Thariqah Rifa'iyah yang didokongi oleh Sheikh Ahmad Rifa'i r.a.
- 5- Thariqah Chistiyyah yang didokongi oleh Sheikh Muinnudin Chisti r.a.

## Sejarah Menamakan Thoriqah

Namun nama-nama ini datangnya kemudian, oleh kerana sudah ada thariqah pada zaman nabi yang tidak diberi nama sehingga zaman Sheikh Abul Qasim AlJuneid AlBagdadi r.a ( wafat 200 hj ) yang terkenal sebagai 'Saidut Tha'ifah ( Penghulu Ulama Tasawuf ), beliau lah yang meletakkan nama pada thoriqah-thoriqah yang ada sebagai salah satu pengenalan ilmiah dalam satu perkembangan awal dunia thoriqah.

Mereka yang cenderung dengan cara ibadahnya Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq , seperti Salman AlFaris , diberi nama oleh ulama kemudian hari sebagai Thariqah Siddiqiyah. Mereka –mereka yang cenderung dengan cara ibadahnya Saiyidina Ali diberi nama Thariqah Aliyyah terutama dari kaum keluarganya sendiri, begitulah sehingga nama-nama mereka digantikan dengan nama-nama mereka selepasnya.

Seperti contoh :



Kesimpulannya : Jika seseorang itu mengamalkan Thariqah Qadiriyyah artinya dia mengamalkan Thariqah Muhamadiyyah Aliyyah Junadiyyah Qadiriyyah sekaligus,

atau jika seseorang itu mengamalkan Thoriqah Khalidiyah berarti secara teori ilmiah, beliau mengamalkan Thoriqah Muhamadiyyah Siddiqiyyah Khirqaniyyah Naqsyabandiyyah Mujadidiyyah Khalidiyyah, oleh kerana panjang sangat sebutannya, hanya sebutan nama yang terakhir kekal sebagai penunjuk nama bagi pelopor/mujtahid terakhir .

Oleh yang demikian, para ulama tasawuf sepakat menamakansesebuah thoriqah itu dengan nama yang terakhir yang mempeloporinya dan tidak seharusnya dinamakan Thoriqah Muhamadiyyah kerana mengelakkan kekeliruan itu dengan nama 'Muhamadiyyah' yang menjadi asal semua thoriqah berpunca dengannya.

Seperti contoh : Thoriqah dari Sheikh Muhammad Bin Muhammad Baha'udin An-Naqsyabandi tidak digelar Thoriqah Muhamadiyyah kerana untuk mengelakkan kekeliruan, tetapi dipanggil thoriqahnya sebagai thoriqah Naqsyabandiyyah.

Contoh kedua : Thoriqah dari Hujatul Islam Muhammad bin Muhammad Al-Ghazali juga tidak dipanggil thoriqah Muhammadiyyah tetapi dipanggil Thoriqah Ghazaliyyah...dan seumpama ini bagi setiap pelopor thoriqqah yang bernama 'Muhamad'.

Dalil Al-Quran mengenai wujudnya kaum yang suka berzikir berjamaah sudah ada pada zaman Nabi dan Nabi s.a.w sebagai Mursyid mereka adalah ayat Surah Kahfi :

وَاصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدْوَةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ  
 ، وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ، وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا  
 قَلْبَهُ عَن ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ قَرْطًا .


*Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharap keredaan Allah semata-mata; dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia; dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkah-lakunya pula adalah melampaui kebenaran.*

Walaupun perjalanan Thariqah sudah ada pada zaman para sahabat tetapi tidak dikenali ramai oleh kerana belum ada nama untuk menamakan 'kumpulan ibadah' ini yang membezakan perjalanan tersebut hanya sebagai 'ikutan' dalam cara beribadah.


Dalil cara ibadah para sahabat berbeza antara satu sama lain adalah hadith Nabi s.a.w yang berbunyi : Para sahabatku bagaikan bintang-bintang di langit, dari siapa pun antara mereka yang kamu ikuti, pasti kamu mendapat hidayah'.

Pada zaman Sultanul Auliya' Shekh Abdul Qadir Al-Jailani r.a ( 570 hj ) sudah terdapat beberapa thariqah yang bersanad dengan Nabi tetapi masih tidak dikenal ramai. Lalu dengan berkat kemuliaannya beliau berdoa agar 'wira-wira spiritual' yang bersanad ( berantai dengan Nabi ) ini dikenal ramai , maka semenjak itu nama 'thariqah' & 'mursyid' menjadi sebutan para ulama islam kita.

Rajah ini adalah menjelaskan ramai para murid Sultan Auliya' menjadi pembuka jalan thoriqah yang baru. Mereka semuanya sezaman dengan Sultanul Auliya melainkan Sheikh Bahaudin Naqsyabandi, beliau lahir kira-kira 150 tahun selepas wafat Sulthanul Auliya...limpahan rohaniah yang juga dikenali dalam ilmu Tasauf sebagai hubungan 'Uwaisi'.



Sebagai contoh, Thariqah Syazuliyah adalah diantara Thariqah yang paling banyak membuahkkan banyak thoriqah dan nama berganti nama, dengan nama pelopor yang terbaru . Sila rujuk rajah dibawah ini.



Begitulah nama berganti nama kerana pengambilan yang terakhir adalah perubahan terkini. Kesemua cabang thoriqah ini bersatu dari atas dan akan bersatu sekali lagi diakhir zaman nanti .

Nabi s.a.w pernah menyebut golongan ini ( thariqah ) dengan sebutan 'mufaridun' yakni mereka yang banyak berzikir kepada Allah sehingga tidak bertindak, berkata dan berfikir melainkan dari kesan zikir mereka kepada Allah, kesan zikir mereka mengatasi dosa-dosa mereka dan mereka pada hari qiyamah dalam keadaan ringan dan pantas ( khifafa ) dari perhitungan hisab ( tidak banyak persoalan ).

Diantara hadithnya ialah :

4834 حَدَّثَنَا أُمِيَّةُ بِنُ بَسْطَامِ الْعَيْشِيِّ حَدَّثَنَا يَزِيدُ يَعْنِي ابْنَ زُرَيْعٍ حَدَّثَنَا رَوْحُ بْنُ الْقَاسِمِ عَنِ الْعَلَاءِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسِيرُ فِي طَرِيقِ مَكَّةَ فَمَرَّ عَلَى جَبَلٍ يُقَالُ لَهُ جُمْدَانُ فَقَالَ سِيرُوا هَذَا جُمْدَانُ سَبَقَ الْمُفَرِّدُونَ قَالُوا وَمَا الْمُفَرِّدُونَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الدَّاكِرُونَ اللَّهُ كَثِيرًا وَالدَّاكِرَاتُ

Dari riwayat Imam Muslim dari angka hadith yang ke 4834 : Telah bercerita kepada kami Umayyah bin Bistam al-Aisyi , telah bercerita kepada kami Yazid anak Zurai', telah bercerita kepada kami Rauh bin Al-Qasim dari Al-Ala' dari bapanya dari Abu Hurairah r.a telah berkata : Pernah satu ketika Rasulullah s.a.w berjalan di satu lorong di Mekah melalui satu gunung yang dipanggil 'Jumdan', sabda baginda : Berjalanlah , ini adalah bukit Jumdan, telah lintas sebelumnya 'Mufarridun' bertanya para sahabat siapa kah mereka mufaridun ya Rasulullah ? Mereka –mereka yang berzikir kepada Allah dengan banyaknya samada lelaki mahupun perempuan.

3520 حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ مُحَمَّدُ بْنُ الْعَلَاءِ أَخْبَرَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنْ عُمَرَ بْنِ رَاشِدٍ عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَبَقَ الْمُفَرِّدُونَ قَالُوا وَمَا الْمُفَرِّدُونَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الْمُسْتَهْتَرُونَ فِي ذِكْرِ اللَّهِ يَضَعُ الذِّكْرُ عَنْهُمْ أَنْفَالَهُمْ فَيَأْتُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ خِفَافًا قَالَ أَبُو عِيْسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ\*

Telah cerita kepada kami Abu Kurib Muhamad bin Ala' , telah khabarkan kepada kami Abu Muawiyah dari Umar bin Rashid dari Yahya bin Abi Kathir dari Abi Salamah dari Abu Hurairah telah berkata : Sabda Nabi s.a.w : ' Telah terdahulu ( mencapai ketinggian ) 'alMufarridun', telah bertanya para sahabat r.a. : 'Wahai Rasulullah , siapa mereka yang digelar 'alMufaridun' ? Sabda baginda : Yang banyak berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam berzikir kepada Allah, sehingga zikir mereka dapat mengatasi dosa-dosa mereka maka mereka datang pada hari qiyamat dalam keadaan ringan dan pantas ( dari perhitungan ). Berkata Imam Termizi hadith ini adalah hadith Hasan Gharib.

## Istiqamah Dalam Thoriqah

Satu lagi ciri yang sangat penting dalam amalan thariqah ialah istiqamah ( *consistency* & *perseverance*) agar dengannya kita berjaya mendapat limpahan dan kurniaan Allah ( hujan rohani ) yang bakal akan menguatkan lagi usaha untuk mencari keredaanNya. Allah berfirman dalam surah Jin ayat 16 :

## وَأَلَوْ اسْتَقَامُوا عَلَى الطَّرِيقَةِ لَأَسْقَيْنَهُمْ مَاءً غَدَقًا

*Dan bahawa sesungguhnya! Kalaulah mereka itu berjalan **terus dan mantap** ( istiqamah ) di atas jalan itu, sudah tentu Kami akan menurunkan ‘hujan lebat’ kepada mereka.*

Syarat mengamalkan thoriqah selepas ianya tidak bertentangan dengan tuntutan Syariah ialah yakin sepenuhnya dan tidak menoleh ke kiri dan kanan...berjalan terus dan mantap sebagaimana perintah ayat tersebut sehingga Allah s.w.t menurunkan ‘hujan lebat’nya iaitu ‘ ilmu ladunni’ sebagaimana asal kejadian dan fitrah manusia diciptakan dengannya.

### **Nasihat Peribadi Untuk Pembaca Budiman,**

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengajak tuan puan untuk ikuti Thoriqah Qodiriyyah Naqsyabadiyyah dari pimpinan Abah Anom dari Pondok Pesantren Suryalaya, Tasikmalaya, Jawa Barat, Indonesia yang ada cawangnya di Singapura di bawah pimpinan Almkaram Ustaz Hj Ali Hj Mohamad, Pengerusi Masjid Khadijah di Geylang Road.

Saya selaku seorang yang mengaku diberi ni'mat wajib mengongsi manfaat yang saya perolehi dari thoriqah ini sejak umur saya 12 tahun lagi. Antaranya, thoriqah ini digelar oleh para ulama kita sebagai ‘Sultanut Thoriq’- Jalan Kerohanian Yang Sangat Agung. ( rujukan : kitab Fathul Aarifin )

Semua thoriqah ada kelebihan masing-masing yang Allah s.w.t berikan kepada pelopornya. Sebagai contoh Thoriqah Syazuliah cukup terkenal dengan ‘perjalanan yang penuh ilmiah’- siapa yang masuk lorong ini akan dikayakan dengan banyak ilmu. Thoriqah Rifa'iyah cukup terkenal dengan ‘ perjalanan yang memberikan perlindungan dan keselamatan yang sempurna ‘ dari bahaya zahir dan bahaya bathin – siapa yang masuk lorong ini akan mendapat benteng yang mantap , teguh dari senjata zahir dan bathin sehingga dari sudut senjata tajam hingga haiwan yang liar.

Thoriqah Naqsyabandiyyah cukup terkenal dengan ‘perjalanan yang sangat kaya dengan pintu-pintu rohaninya’- siapa yang masuk lorong ini akan dikayakan dengan anugerah rohaniah sebagai tambahan dan keluasan matahati dalam kembara rohani. Thoriqah Qodiriyyah cukup terkenal sebagai ‘perjalanan yang paling banyak memanfaatkan manusia dan paling kuat tarikan dalam mempengaruhi masyarakat kearah kecemerlangan’ – siapa yang masuk lorong ini akan berjaya mempengaruhi masyarakatnya dalam menubuhkan kebajikan yang di perjuangkannya.

Bayangkan kedua perjalanan besar Qodiriyyah dan Naqsyabandiyyah ini di gabungan oleh salah seorang tokoh ulama Nusantara kita Sheikh Ahmad Khatib Sambas pada awal abad 18 masehi di Mekah, yang menyebabkan ianya digelar sebagai ‘Sultanut Thoriq’. Hasilnya, hari ini kita dapat melihat betapa cemerlangnya pimpinan guru yang mulia Pengersa Abah Anom yang mengatur dan membimbing jutaan para muridnya sehingga pemerintahan Indonesia merasmikannya sebagai ‘thoriqah anak bumi Indonesia’ pada akhir tahun 80han. Saya hadir dan dapat mendengar ketika surat dari Presiden Indonesia itu di bacakan.

Bukan sahaja manfaatnya dirasakan di Indonesia, malah di mana sahaja thoriqah ini diamalkan , pasti pihak pemerintah akan merasakan senang dan menyokong kerana termasuk sebahagian adab thoriqah ini seharusnya mentaati pemerintah sedaya upaya dan berbincang , bergading bahu dengan mereka jika ada keperluannya.

Saya secara peribadi merasakan satu kerugian yang bakal mengakibatkan penyesalan jika Allah s.w.t telah menentukan seorang 'sheikh' pada zaman kita yang terlalu banyak mewarisi karamah dari Sultanul Auliya ini dan paling hampir akhlaknya dengan Nabi s.a.w , tidak di taati dan diikuti.

Mari kita renung dan cari kesedaran bahawa para tokoh agama yang hebat-hebat di Nusantara ini, yang pada awalnya menentang perjalanan thoriqah dan ada yang menjadi presiden bagi persatuan yang tidak bersefahaman dengan thoriqah, akhirnya mengambil dan menuntut thoriqah ini dari Abah Anom, antara yang paling tersohor ialah Prof Abu Bakar Atjeh, Bapa Prof Hamka dan lain-lain lagi. Kini para mubaligh, kiyai dan professor yang berkhidmat di bawah thoriqah Abah Anom menjangkau 2000 ribu lebih anggota.

Maka dengan ini, saya mohon agar para pembaca melihat dengan hati nurani bagaimana ulama sehebat mereka meyakini thoriqah yang diambil dari Abah Anom ini.

Akhirnya sekali, sebagai salah seorang mubaligh Thoriqah Qodiriyah Naqsyabandiyah dan saudara seagama, saya hanya terdaya memanggil dan mengundang, tiada yang lebih dari itu dapat saya lakukan. Kepada Allah jualah kita mohon agar dibukakan pintu hati kita kerana kepadaNya jua kita akan pulang esok.

Ya Allah saksikanlah, aku telah berkongsi dan menyampaikannya mengikut kemampuan yang tersedia ada.

As-Salik Fi Thoriq: Qodiriyah wa Naqsyabandiyah  
Mohamad Ghouse Khan Surattee  
05 November 2007

Nota ini boleh di dapati dari :  
*www.ghousekhan.blogspot.com*